

24 FEB 1997

Mahathir-Sumber

PM MAHU KERAJAAN NEGERI GUNAKAN SUMBER SECARA MAKSIMUM

SEREMBAN, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menggunakan sumber-sumber atau aset yang sedia ada seperti tanah secara maksimum supaya mereka tidak perlu bergantung kepada bantuan kerajaan pusat.

Beliau berkata, jika ia dapat digunakan sepenuhnya mereka dapat menjimatkan kos.

"Gunakanlah sumber-sumber itu secara maksimum, secara yang boleh mendatangkan faedah maksimum kepada kita," kata beliau ketika merasmikan Pusat Haemodialisis Mawar Negeri Sembilan di Jalan Rasah di sini.

Dr Mahathir berkata, sebagai contoh pusat Haemodialisis itu selain merawat pesakit buah pinggang boleh juga dijadikan sebagai tempat untuk aktiviti lain yang dapat membantu menanggung kos perbelanjaan pembinaannya.

Pusat yang berharga RM6 juta itu dianggap paling besar di Asia dan ia dibina untuk membantu merawat pesakit buah pinggang daripada kalangan orang miskin.

Ia didirikan atas tanah seluas 0.6 hektar milik kerajaan pusat.

Dr Mahathir mengambil contoh tanah-tanah milik KTM Berhad yang kini sebahagiannya digunakan untuk projek pembangunan seperti pusat membeli-belah.

Perdana Menteri juga menyeru golongan berada supaya menghulurkan bantuan kewangan kepada pusat-pusat sedemikian sebagai satu cara mereka membantu golongan miskin.

"Kekayaan mereka adalah kerana kemajuan negara sekarang dan mereka sepatutnya mengeluarkan derma untuk membantu orang yang tidak berkemampuan," kata beliau.

Kos rawatan untuk pesakit buah pinggang mahal dan ramai yang kurang berkemampuan tidak dapat menerima rawatan, katanya.

Beliau seterusnya mencadangkan supaya semua kerajaan negeri membina pusat haemodialisis. -- BERNAMA

ES RAB PR